

**Tarikh Dibaca: 15 MAC 2024M | 4 RAMADHAN 1445H**



**ISLAMIC • SAVIOUR • OBEDIENCE**

# **KHUTBAH JUMAAT**

**Tajuk:**

**“PUASA BUKAN SEKADAR MENAHAN  
LAPAR DAN DAHAGA”**

**\*\*\***

**Terbitan:**

**Unit Khutbah**

**Bahagian Pengurusan Masjid**

**JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR**

## “PUASA BUKAN SEKADAR MENAHAN LAPAR DAN DAHAGA”

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ : وَكُلُوا وَاشْرَبُوا حَتَّى يَتَبَيَّنَ لَكُمُ الْخَيْطُ  
الْأَبْيَضُ مِنَ الْخَيْطِ الْأَسْوَدِ مِنَ الْفَجْرِ ثُمَّ أَتِمُوا الصِّيَامَ إِلَى اللَّيْلِ وَلَا  
تُبَشِّرُوهُنَّ وَأَنْتُمْ عَاكِفُونَ فِي الْمَسْجِدِ تِلْكَ حُدُودُ اللَّهِ فَلَا  
تَقْرُبُوهَا كَذَلِكَ يُبَيِّنُ اللَّهُ آيَاتِهِ لِلنَّاسِ لَعَلَّهُمْ يَتَّقُونَ ﴿١٨٧﴾

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ  
سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى  
سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.  
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ، اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ  
بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا  
تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ ﴿١٠٢﴾

**Muslimin yang dirahmati Allah sekalian,**

Saya menyeru agar kita bersama-sama meningkatkan ketakwaan kita kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala perkara yang larangan-Nya. Marilah kita memberi

<sup>1</sup> Al-Baqarah: 187

<sup>2</sup> Ali-Imran: 102



sepenuh tumpuan kepada khutbah yang disampaikan. Janganlah berbual-bual dan berleka-leka dengan telefon bimbit. Semoga khutbah ini memberi manfaat kepada kita semua.

Pada hari yang mulia ini mimbar akan membicarakan khutbah bertajuk: **"PUASA BUKAN SEKADAR MENAHAN LAPAR DAN DAHAGA."**

**Hadirin Jumaat yang dikasihi Allah SWT,**

Ibadah puasa yang sedang kita laksanakan sekarang merupakan salah satu daripada rukun Islam yang lima, setiap orang Islam wajib menunaikan puasa, kecuali jika ada uzur syarie.

Disamping kita berpuasa, kita juga perlu mengetahui hukum hakam berkaitan puasa, seperti berniat pada malam hari dan menahan diri daripada makan dan minum pada siang hari di bulan Ramadhan, sepertimana firman Allah SWT di dalam surah al-Baqarah ayat 187 yang dibaca di awal khutbah ini yang bermaksud :

*"Dan makanlah serta minumlah sehingga nyata kepada kamu benang putih (cahaya siang) dari benang hitam (kegelapan malam), iaitu waktu fajar. Kemudian sempurnakanlah puasa itu sehingga waktu malam (maghrib) dan janganlah kamu setubuhi isteri-isteri kamu ketika kamu sedang ber'iktikaf di masjid. Itulah batas-batas larangan Allah, maka janganlah kamu menghampirinya. Demikian Allah menerangkan ayat-ayat hukum-Nya kepada sekalian manusia supaya mereka bertaqwa".*

Kita perlu mengetahui perkara-perkara yang membatalkan puasa seperti memasukkan sesuatu ke dalam rongga badan (iaitu mulut, hidung, telinga, qubul dan dubur) dengan sengaja.



Pada waktu siang hari di bulan Ramadhan, dilarang melakukan persetubuhan dengan sengaja dan wajib ke atas suami membayar kifarat serta qada'. Tiada kifarat pada isteri kecuali qada' sahaja.

Hikmah larangan perkara di atas adalah untuk menguji keimanan kita. Sejauh mana kejujuran kita terhadap ibadah puasa yang kita laksanakan dan keyakinan kita bahawa Allah SWT melihat apa yang kita kerjakan. Contohnya jika orang yang tidak berpuasa makan secara sembunyi, kemudian mendakwa dirinya berpuasa, tiada siapalah yang tahu melainkan Allah SWT sahaja.

Jelas kepada kita bahawa puasa ini sebagai madrasah, mentarbiah dan melatih diri kita supaya bersifat amanah, jujur, berintegriti dan rasa tanggungjawab memikul tugas sebagai hamba Allah SWT. Semoga sifat ini menjadi amalan yang berterusan di dalam kehidupan kita, bukan hanya di bulan Ramadhan sahaja.

### **Hadirin jumaat yang di kasihi Allah SWT,**

Bagi wanita yang sedang berhadass besar seperti haid atau nifas, mereka diharamkan berpuasa dan hendaklah diganti pada bulan-bulan yang lain. Islam juga memberi kelonggaran kepada beberapa golongan untuk berbuka atau meninggalkan puasa. Akan tetapi wajib diganti pada hari yang lain seperti orang yang sakit dan bertambah mudaratnya jika berpuasa atau mereka yang bermusafir sebelum naik fajar. Jarak perjalanannya melebihi dua marhalah, ini berdasarkan firman Allah SWT di dalam surah al-Baqarah ayat 184:

أَيَّامًا مَّعْدُودَاتٍ فَمَنْ كَانَ مِنْكُمْ مَّرِيضًا أَوْ عَلَى سَفَرٍ فَعِدَّةٌ  
مِّنْ أَيَّامٍ أُخَرَ

*“(Puasa yang diwajibkan itu ialah) beberapa hari yang tertentu, maka sesiapa diantara kamu yang sakit, atau dalam musafir, (bolehlah ia berbuka), kemudian wajiblah ia berpuasa sebanyak (hari yang dibuka) itu pada hari-hari yang lain.”*

Manakala bagi mereka yang tua dan orang sakit yang tiada harapan sembuh dan kedua-duanya tidak mampu berpuasa, dibenarkan berbuka dan dikenakan fidyah sehari secupak beras dan tidak wajib qada'. Ini berdasarkan firman Allah SWT dalam surah al-Baqarah ayat 184:

وَعَلَى الَّذِينَ يُطِيقُونَهُ فِدْيَةٌ طَعَامُ مِسْكِينٍ

*“Dan wajib atas orang-orang yang tidak terdaya berpuasa (kerana tua dan sebagainya) membayar fidyah iaitu memberi makan orang miskin.”*

### **Hadirin Jumaat yang dihormati sekalian,**

Hikmah berpuasa antara lainnya juga adalah dapat mengelakkan kita daripada bercakap perkara yang kotor, keji seperti mengumpat, mengeji, menghina, mencaci, hasad dengki, fitnah dan sebagainya kepada orang lain dan jangan pula berbuat bodoh yakni melakukan perbuatan orang-orang jahil seperti menjerit, memekik-mekik, melolong dan sebagainya.

Apabila ada orang yang mengajaknya berkelahi atau bertengkar atau orang menghinanya maka katakanlah: 'aku sedang berpuasa'. Seperti

mana hadis yang di riwayatkan oleh Abu Hurairah Radhiallahuanhu bahawa Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud:

*"Puasa itu perisai atau benteng, maka (orang yang melaksanakannya) janganlah berbuat kotor dan jangan pula berbuat bodoh. Apabila ada orang yang mengajaknya berkelahi atau menghinanya, maka katakanlah aku sedang berpuasa".*

*(Riwayat al-Bukhari).*

**Hadirin Jumaat yang dirahmati Allah SWT sekalian,**

Puasa dapat melindungi tuannya dari melakukan dosa semasa di dunia, maka puasa juga akan melindungi tuannya daripada azab neraka di akhirat kelak, sepertimana sabda Rasulullah SAW yang diriwayatkan oleh Aishah Radhiallahuanha:

الصِّيَامُ جُنَّةٌ مِنَ النَّارِ

*"Puasa itu adalah perisai dari api neraka*

*(Riwayat Imam Ahmad).*

Ibadah puasa yang gagal mencegah seseorang yang berpuasa daripada melakukan perkara maksiat, mengikut hawa nafsu, berkunjung ke tempat maksiat, mengumpat, menfitnah, mengeji, menipu, berjudi dan sebagainya tidak dapat melindunginya dari seksaan azab Allah SWT di akhirat kelak.

Maka ia tidak mendapat apa-apa pahala dari puasanya kecuali sekadar lapar dan dahaga sahaja. Ibadat malam yang didirikannya seperti solat sunat tarawih, hanya sekadar sahar (berjaga malam) sahaja. Ini berdasarkan hadis yang di riwayatkan oleh Abu Hurairah Radhiallahuanhu bahawa Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud:

*"Boleh jadi orang yang berpuasa itu tidak mendapat apa-apa daripada puasanya melainkan lapar dan boleh jadi orang yang berqiyam itu tidak mendapat apa-apa daripada qiyamnya melainkan hanya berjaga malam"*

*(Riwayat Ibnu Majah).*

### **Hadirin yang dirahmati Allah SWT,**

Puasa bukan sekadar menahan lapar dan dahaga sahaja. Malah wajib bagi kita menjauhi segala bentuk kemaksiatan yang zahir dan yang batin bagi melahirkan insan yang berakhlak dan berjiwa mulia. Maksiat zahir adalah yang dilakukan dengan anggota yang tujuh iaitu mata, telinga, lidah, perut, kemaluan, tangan dan kaki.

Manakala maksiat yang batin ialah segala sifat kecelaan yang terdetik di dalam hati, antaranya hasad, marah, cintakan harta, cintakan kemegahan, cintakan dunia, takabbur, ujub, sum'ah, riak dan lain-lain lagi dari sifat terkeji.

Semua anggota tersebut akan ditanya oleh Allah SWT di akhirat kelak. Firman Allah dalam surah al-Isra' ayat 36:

﴿ ۳۶ ﴾ إِنَّ السَّمْعَ وَالْبَصَرَ وَالْفُؤَادَ كُلُّ أُولَٰئِكَ كَانَ عَنْهُ مَسْئُولًا

*"Sesungguhnya pendengaran dan penglihatan serta hati, semua itu pasti akan dipertanggungjawabkan."*

Marilah kita tunaikan ibadat puasa dan menghidupkan malamnya dengan penuh keimanan kepada Allah SWT, mengharapakan pahala dan mendapat keampunan dari-Nya.

## Muslimin yang dirahmati Allah SWT,

Bagi mengakhiri khutbah pada hari ini marilah sama-sama kita mengambil pengajaran seperti berikut:

1. Umat Islam hendaklah melaksanakan ibadah puasa dengan berpandukan syariat kerana ia merupakan satu kefardhuan.
2. Setiap muslim hendaklah menjauhi perkara yang dilarang termasuk maksiat zahir dan batin
3. Puasa adalah perisai yang boleh menyelamatkan orang yang berpuasa daripada azab api neraka di akhirat kelak.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا كُتِبَ عَلَيْكُمُ الصِّيَامُ كَمَا كُتِبَ عَلَى الَّذِينَ

مِن قَبْلِكُمْ لَعَلَّكُمْ تَتَّقُونَ ﴿١٨٣﴾

*"Wahai orang-orang yang beriman! diwajibkan ke atas kamu berpuasa sebagaimana diwajibkan atas orang-orang yang terdahulu daripada kamu, supaya kamu bertaqwa."*

(Surah al-Baqarah: 183).

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ  
مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلْ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ  
السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.





أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ  
وَالْمُسْلِمَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ

## KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ  
الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ،  
وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ  
عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ  
إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ!  
أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا  
عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ  
أَجْمَعِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ  
الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ  
وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ. اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَأَهْلِكَ  
الْكُفْرَةَ وَالْمُبْتَدِعَةَ وَالْمُشْرِكِينَ.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ، وَنَسْأَلُكَ  
بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى، وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى، أَنْ تَحْفَظَ بَعَيْنِ  
عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةِ، وَبِحِفْظِ وَقَايَتِكَ الصَّمَدَانِيَّةِ، جَلَالَهٗ  
مَلِكِنَا الْمُعْظَمِ، سُلْطَانَ سَلَاطِينِ، سُلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ  
أَدْرِيسِ شَاهِ الْحَجِّ ابْنِ الْمَرْحُومِ سُلْطَانَ صَلَاحِ الدِّينِ عَبْدِ  
الْعَزِيزِ شَاهِ الْحَجِّ. اللَّهُمَّ أَدِمِ الْعُونَ وَالْهَدَايَةَ وَالتَّوْفِيقَ،  
وَالصِّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لَوْلِيِّ عَهْدِ سَلَاطِينِ، تَعَاوَنِ أَمِيرِ  
شَاهِ ابْنِ السُّلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ أَدْرِيسِ شَاهِ الْحَجِّ، فِي أَمْنِ  
وَصَلَاحِ وَعَافِيَةٍ بِمَنْكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ. اللَّهُمَّ  
أَطْلُ عُمْرَهُمَا مُصْلِحِينَ لِلْمُوظَّفِينَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبَلِّغْ  
مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ الْهُدَى وَالرِّشَادِ.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنْ جَهْدِ الْبَلَاءِ، وَدَرْكِ الشَّقَاءِ وَسُوءِ  
الْقَضَاءِ وَشِمَاتَةِ الْأَعْدَاءِ. اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنْ زَوَالِ  
نِعْمَتِكَ، وَتَحَوُّلِ عَافِيَتِكَ وَفُجَاءَةِ نِقْمَتِكَ وَجَمِيعِ سَخَطِكَ.

Ya Allah! kami berlindung dengan-Mu daripada ujian yang berat, daripada ditimpa kecelakaan, dari buruknya takdir dan dari kegembiraan para musuh atas ujian dan kecelakaan yang menimpa kami. Ya Allah, kami

mengharap perlindungan-Mu, daripada hilangnya nikmat yang Engkau berikan, dari berubahnya kesihatan yang Engkau kurniakan, lindungi negeri kami dari datangnya bencana, malapetaka dan banjir. Ya Allah, hanya Engkau yang Maha menyelamatkan, selamatkan Masjid Al Aqsa di Palestin.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَجْعَلُكَ فِي نُحُورِ أَعْدَائِنَا، وَنَعُوذُ بِكَ مِنْ شُرُورِهِمْ. اللَّهُمَّ بَدِّدْ شَمْلَهُمْ، وَفَرِّقْ جَمْعَهُمْ وَشَتِّتْ كَلِمَتَهُمْ، وَزَلِّزْ أَقْدَامَهُمْ، وَسَلِّطْ عَلَيْهِمْ كَلْبًا مِنْ كِلَابِكَ، يَا قَهَّارُ، يَا جَبَّارُ، يَا مُنْتَقِمُ، يَا اللَّهُ. اللَّهُمَّ يَا مُنْزِلَ الْكِتَابِ وَيَا مُجْرِيَ السَّحَابِ وَيَا هَازِمَ الْأَحْزَابِ، إِهْزِمِ أَعْدَاءَ الْمُسْلِمِينَ، إِهْزِمِهِمْ، إِهْزِمِهِمْ، وَأَنْصِرِ الْمُسْلِمِينَ عَلَيْهِمْ.

Ya Allah! Jadikanlah kami antara hamba-Mu yang menjaga amanah. Kuatkan iman kami agar menjauhi perbuatan khianat serta jauhkan kami termasuk dalam golongan yang mengabaikan tanggungjawab dan jauhi negeri dan negara kami daripada kehancuran disebabkan perbuatan rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa. Serahkan tanggungjawab memimpin negara kami kepada hamba-Mu yang amanah dan jujur serta tegas lagi berani menegakkan kebenaran dan melaksanakan keadilan berlandaskan syariat. Jadikanlah Ya Allah masjid dan surau di Negeri Selangor rumah-rumah-Mu yang aman, mempersatukan dan menjadi nadi kekuatan ummah.

اللَّهُمَّ يَا دَافِعَ الْبَلَاءِ، اِدْفَعْ عَنَّا هَذَا الْوَبَاءَ وَالْبَلَاءَ وَالْمَرَضَ  
وَالشَّدَائِدَ وَالْمِحْنَ، بِطُفِكَ يَا لَطِيفُ إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ  
قَدِيرٌ وَبِالْإِجَابَةِ جَدِيرٌ.

رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ وَاجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا

﴿٧٤﴾

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ ﴿٢٠١﴾  
عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَى  
وَيَنْهَى عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ

﴿٩٠﴾

فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُواهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ،  
وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا  
تَصْنَعُونَ.